



SIARAN MEDIA

KPKT PROAKTIF MEMPERKASA RAKYAT MELALUI INISIATIF MYKIOSK KE ARAH MERREALISASIKAN EKONOMI MADANI

SEPANG, 28 Julai 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran MyKiosk bertempat di tapak kiosk jalan Putra Perdana 5C, Taman Putra Perdana, Sepang, Selangor pada pagi ini.

MyKiosk merupakan inisiatif kerajaan dalam membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan untuk kembali berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan. Ia bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk setempat dengan memberi manfaat kepada para peniaga melalui pemberian kadar sewaan kiosk yang rendah. Ia turut menyediakan ruang niaga yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat melalui sewaan kiosk yang dikenakan kepada peniaga.

Bagi menyokong hasrat ini, Kerajaan Perpaduan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membina baharu dan menaik taraf 3,000 gerai dan kiosk sebagai kemudahan penjaja kecil untuk bermula di lokasi tumpuan seluruh negara. Kos anggaran seunit kiosk adalah antara RM15,000 hingga RM20,000 termasuk panel solar bagi setiap unit. Sehingga Julai 2023, KPKT telah meluluskan sebanyak 3,173 unit kiosk kepada 113 PBT berjumlah RM49.14 juta.

Pada masa ini, 100 unit kiosk telah disiapkan di lima (5) lokasi melibatkan Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Pilah, Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Perbandaran Port Dickson. Manakala, bagi lokasi-lokasi yang lain adalah dalam tempoh pelaksanaan dan akan disiapkan dalam tahun ini.

KPKT telah menetapkan beberapa kriteria pelaksanaan MyKiosk seperti berikut;

- i. Penempatan kiosk di tempat tumpuan orang ramai seperti di kawasan komersial dan perniagaan, kawasan pelancongan, dataran, berdekatan jalan raya utama dan lain-lain kawasan yang bersesuaian;
- ii. Keutamaan diberikan kepada golongan B40 dan penempatan semula peniaga sedia ada ke lokasi yang lebih strategik dan selamat;
- iii. Pengecualian sewaan kepada peniaga selama enam (6) bulan pertama pelaksanaan;
- iv. Kadar sewaan kiosk mestilah tidak melebihi RM300 sebulan;
- v. Menggunakan reka bentuk dan bahan yang telah ditetapkan oleh KPKT;
- vi. Kiosk akan menjadi hak milik dan perlu diselenggara oleh PBT.

YB KM berkata, “MyKiosk adalah inisiatif yang didorong oleh kerangka Ekonomi Madani di mana memberi peluang untuk golongan B40 memulakan perniagaan dan sekaligus memperbaiki kehidupan mereka. Sumbangan peniaga kecil tidak pernah dipandang remeh oleh KPKT, malah peningkatan ekonomi mikro turut memberi kesan positif kepada ekonomi negara.”

Beliau turut menambah, “KPKT akan memantau inisiatif MyKiosk dari semasa ke semasa bagi memastikan ia benar-benar dapat membantu penjaja menjana dan meningkatkan pendapatan, selaras dengan hasrat Ekonomi Madani Memperkasa Rakyat.”

Turut hadir dalam majlis tersebut YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekutaran Mampan); YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Haji Abd. Hamid bin Hussain, YDP Majlis Perbandaran Sepang serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat. Kecemerlangan mutu perkhidmatan KPKT juga akan terus

ditingkatkan dalam memastikan segala manfaat dapat dinikmati oleh rakyat sejajar dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk membina masyarakat Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

